



# Perkhidmatan gaji dan elaun kerajaan tempatan

## Disampaikan oleh Tribunal Gaji Dan Elaun di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

### Perkhidmatan

Tribunal Gaji Dan Elaun, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menentukan saraan yang patut dibayar kepada ketua pegawai eksekutif kerajaan tempatan di Wilayah Lautan Hindi serta bayaran khidmat, belanja dan elaun yang diperuntukkan kepada ahli-ahli yang dipilih.

### Apakah ertinya bagi saya?

Kajian semula dan penentuan tahunan yang dibuat oleh Tribunal Gaji Dan Elaun memastikan keadaan kerajaan tempatan Wilayah Lautan Hindi ditentukan selaras dengan amalan di WA. Hal ini memastikan keadaannya moden dan berdaya saing, untuk menarik minat dan mengekalkan khidmat pemimpin-pemimpin yang berkebolehan dalam kerajaan tempatan.

Tribunal ini dikehendaki menyelidik dan menentukan:

- amaun saraan ataupun amaun minimum dan maksimum saraan yang patut dibayar atau diperuntukkan kepada ketua pegawai eksekutif kerajaan tempatan secara tahunan.
- amaun bayaran khidmat ataupun amaun minimum dan maksimum bayaran khidmat yang patut dibayar atau diperuntukkan kepada ahli-ahli majlis yang dipilih kerana menghadiri mesyuarat secara tahunan.
- amaun belanja ataupun amaun minimum dan maksimum belanja yang patut digantikan bayarannya kepada ahli-ahli majlis yang dipilih secara tahunan.
- amaun elaun ataupun amaun minimum dan maksimum elaun yang patut dibayar kepada ahli-ahli majlis yang dipilih dan ketua pegawai eksekutif kerajaan tempatan secara tahunan.

### Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Telefon	08 6557 7000
E-mel	<a href="mailto:enquiries@sat.wa.gov.au">enquiries@sat.wa.gov.au</a>
Laman web	<a href="http://www.wa.gov.au/organisation/salaries-and-allowances-tribunal">www.wa.gov.au/organisation/salaries-and-allowances-tribunal</a>